

TEKS UCAPAN PROFESOR DR AHMAD YUSOFF BIN HASSAN,  
NAIB CANSOLOR UTeM, SEMPENA MAJLIS PENYEMATAN  
PANGKAT KOMANDAN DAN BACAAN IKRAR ANGGOTA SKUAD  
2/07 & 3/08 KOR SUKSIS UTeM PADA 25 JUN 2009 JAM 8.30 PAGI  
DI AUDITORIUM UTeM.

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM SEJAHTERA

YANG DI HORMATI

SAC 1 DATUK MAZLAN BIN MANSOR

KETUA POLIS MELAKA

YANG DIHORMATI

SUP/KS DATO PROFESOR DR MOHD NOR BIN HUSAIN

TIMBALAN KOMANDEN KOR SUKARELAWAN POLIS SISWA

SISWI (KOR SUKSIS) UTeM

YANG BERBAHAGIA DATUK PROF. MADYA DR ABU BAKAR BIN

MOHAMAD DIAH

TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

YANG BERBAHAGIA PROFESOR DR ZOKEPLI BIN BUANG

DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

YANG DIHORMATI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI

YANG DIHORMATI PEGAWAI-PEGAWAI KOR SUKSIS DAN  
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

YANG DIHORMATI ANGGOTA-ANGGOTA KOR SUKSIS UT<sub>e</sub>M

SETERUSNYA HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

ALHAMDULILLAH SAYA BERSYUKUR KEHADRAT ALLAH SWT  
KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN RAHMATNYA MAKA  
TELAH DIIZINKAN KITA BERHIMPUN PADA PAGI INI BAGI  
MENYEMPURNAKAN MAJLIS PENYEMATAN PANGKAT  
KOMANDAN DAN BACAAN IKRAR KOR SUKSIS UT<sub>e</sub>M ANGGOTA

SKUAD 2/07 DAN 3/08. SEMOGA MAJLIS PADA PAGI INI MENDAPAT RAHMAT SERTA KEREDHAAN DARI ALLAH SWT.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN YANG DIHORMATI SAC 1 DATUK MAZLAN BIN MANSOR, KETUA POLIS MELAKA KERANA TELAH SUDI MELUANGKAN MASA UNTUK HADIR PADA MAJLIS YANG SANGAT BERMAKNA KEPADA UTeM. SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) KERANA TELAH BEKERJASAMA DENGAN UTeM BAGI MENUBUHKAN KOR SUKSIS INI YANG JUGA MERUPAKAN PASUKAN BERUNIFORM YANG PERTAMA DIWUJUDKAN DI UTeM.

## HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

KOR SUKSIS UTeM TELAH DITUBUHKAN PADA 31 JULAI 2006. PENUBUHAN KOR SUKSIS INI OLEH PIHAK UNIVERSITI ADALAH BERTUJUAN UNTUK MENINGKATKAN KESEDARAN TENTANG TANGGUNGJAWAB MAHASISWA KEPADA NEGARA DAN MASYARAKAT. PADA MASA INI KOR SUKSIS UTeM TELAH MEMPUNYAI KEANGGOTAAN SERAMAI 127 ORANG. ALHAMDULILLAH PADA 21 JUN YANG LEPAS, KUMPULAN PERTAMA KOR SUKSIS UTeM TELAH SEMPURNA MENAMATKAN LATIHAN DAN MENGHADIRI ISTIADAT PENGTAULIAHAN YANG TERDIRI DARIPADA 17 LELAKI DAN 17 PEREMPUAN.

SEPANJANG MENGGANGGOTAI KOR SUKSIS MEREKA TELAH MENEMPOH PELBAGAI AKTIVITI DAN PROGRAM YANG TELAH DITETAPKAN SEPERTI LATIHAN KAWAD, PERSENJATAAN, KULIAH PERUNDANGAN, PEKHEMAHAN PERDANA DAN LAIN-LAIN. HARAPAN SAYA AGAR MEREKA BENAR-BENAR MEMANFAATKAN LATIHAN YANG TELAH DITEMPOHI, DAN KINI MEREKA JUGA BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMIKUL AMANAH MENJAGA KESEJAHTARAAN MASYARAKAT.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PENGLIBATAN MAHASISWA-MAHASISWI DALAM KOR SUKSIS TELAH DAPAT MEMBENTUK KECEMERLANGAN KEPERIBADIAN DAN SAHSIAH DIRI PELAJAR. DENGAN IMEJ BERPAKAIAN KEMAS BERUNIFORM POLIS IA SECARA LANGSUNG MENCERMINKAN ANGGOTA-ANGGOTA SUKSIS SEBAGAI SEORANG YANG TAAT SETIA DAN BERDISIPLIN. SECARA TIDAK LANGSUNG IA JUGA MEMBERI GAMBARAN BAHAWA PELAJAR UTeM SECARA KESELURUHANNYA ADALAH MEREKA YANG PATUH KEPADA UNDANG-UNDANG YANG DITETAPKAN OLEH UNIVERSITI DAN NEGARA. IA JUGA TELAH BERJAYA

MENJAGA HUBUNGAN BAIK ANTARA UNIVERSITI DENGAN PDRM.

SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI, UTeM SENTIASA MEMBERI PENEKANAN TERHADAP PEMBENTUKAN MODAL INSAN YANG SEIMBANG DAN HOLISTIK. IA BAGI MEMASTIKAN MEREKA BENAR-BENAR MENJADI MODAL INSAN BERMENTALITI KELAS PERTAMA DENGAN MEMILIKI CIRI-CIRI PROGRESIF, MENGUTAMAKAN NILAI ETIKA DAN BERMORAL TINGGI. UNTUK ITU PENGALAMAN YANG DIPEROLEHI DALAM BIDANG KEPOLISAN SEMASA MENYERTAI KOR SUKSIS DIHARAP DAPAT MEMBANTU UNIVERSITI DAN NEGARA MENCAPAI HASRAT YANG DINYATAKAN.



ARUS GLOBALISASI YANG BEGITU DERAS MENUNTUT SUPAYA GENERASI MUDA HARI INI TERMASUK MAHASISWA-MAHASISWI MENJADI AGEN KEPADA MASYARAKAT DALAM MENGUTAMAKAN KESEDARAN SIVIK DI SAMPING MEMELIHARA HUBUNGAN BAIK DENGAN PIHAK POLIS. ANCAMAN MORAL DAN KERUNTUHAN AKHLAK DI KALANGAN WARGA NEGARA SEPERTI PENINGKATAN KES-KES JENAYAH ROMPAKAN, PEMBUNUHAN, RAGUT, UGUTAN, DADAH DAN SEBAGAINYA MENUNJUKKAN BAHAWA PERLUNYA SENSITIVITI MASYARAKAT BAGI MEMBENDUNG PERKARA INI DARI LEBIH BERLELUASA.

TIDAK KURANG JUGA JENAYAH SIBER SEPERTI KECURIAN DAN PEMALSUAN MAKLUMAT, JUDI, *HAKERS*, PENGINTIPAN DAN PENYEBARAN VIRUS ADALAH ANTARA JENAYAH YANG MEMERLUKAN KEPAKARAN DALAM BIDANG IT. PENDEDAHAN DAN PENGALAMAN YANG DIPEROLEHI OLEH ANGGOTA KOR SUKSIS BOLEH MENARIK MINAT MAHASISWA-MAHASISWI UTeM UNTUK TERUS MENCEBURI KERJAYA SEBAGAI ANGGOTA POLIS YANG PAKAR DALAM BIDANG IT DAN KEJURUTERAAN SELEPAS TAMAT PENGAJIAN DI SINI.

PROFESION POLIS HARI INI ADALAH SATU TUGAS YANG MURNI DAN SEMAKIN MENCABAR SEJAJAR DENGAN PERKEMBANGAN DUNIA PADA MASA KINI. JENAYAH YANG

BERLAKU HARI INI SEMAKIN KOMPLEKS SERTA RUMIT KERANA IA MELIBATKAN KEPAKARAN DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI. OLEHITU IA MEMERLUKAN AHLI-AHLI PROFESIONAL SEPERTI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN UNTUK MENYERTAINYA.

PIHAK UNIVERSITI DENGAN ITU AKAN TERUS KOMITED UNTUK MENAMBAH BILANGAN KEANGGOTAAN MAHASISWA DALAM KOR SUKSIS UTeM PADA MASA HADAPAN UNTUK MEMBANTU NEGARA MENANGANI JENAYAH YANG MUNGKIN BERLAKU DEMI MENJAGA KEAMANAN DAN KESEJAHTERAAN NEGARA. HARAPAN SAYA SEMOGA ANGGOTA PELATIH KOR SUKSIS

UTeM HARI INI DAPAT MENERUSKAN LATIHAN DENGAN JAYANYA DAN MENERIMA PENTAULIAHAN MEREKA NANTI.

AKHIR KATA SAYA SEKALI LAGI MENGUCAPKAN BERBANYAK TERIMA KASIH KEPADA SELURUH WARGA POLIS DIRAJA MALAYSIA TERUTAMANYA KEPADA YANG DI HORMATI SAC 1 DATUK MAZLAN BIN MANSOR, KETUA POLIS MELAKA KERANA MEMBERI KEPERCAYAAN KEPADA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA MENGADAKAN KOR SUKSIS DI SINI.

DI ATAS KEPERCAYAAN YANG DIBERIKAN, KAMI BERJANJI AKAN MENJADIKAN KOR SUKSIS UTeM SEBAGAI KOR SUKSIS

YANG TERBAIK SERTA CEMERLANG DI KALANGAN IPT YANG  
ADA, INSYAALLAH.

SEKIAN TERIMA KASIH  
WASSALAMUALAIKUM WRT WBKTH